



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 25 April 2026

Untuk Terbitan Media  
25 April 2026

## SIARAN MEDIA

### AKTA 872: INTEGRASI MAKLUMAT PEKERJA GIG BARU 2 PERATUS

**KUALA LUMPUR:** Infrastruktur sistem digital Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sudah siap sepenuhnya untuk menerima daftar maklumat pekerja gig daripada penyedia platform bagi tujuan caruman secara automatik.

Bagaimanapun, proses 'on boarding' ketika ini hanya membabitkan sekitar dua peratus daripada anggaran keseluruhan 1.2 juta pekerja gig yang sebelum ini dilaporkan di Malaysia.

Sehubungan itu, PERKESO menerusi kenyataan menggesa penyedia platform untuk segera menyelaraskan sistem dan mengemukakan daftar maklumat pekerja masing-masing.

"Langkah ini bukan sekadar keperluan untuk mematuhi Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872), malah ia tindakan kritikal dalam menjamin perlindungan sosial yang konsisten dan berterusan kepada pekerja gig.

"Hal ini pekerja gig sentiasa terdedah kepada risiko kemalangan semasa mencari rezeki, justeru sebarang kelewatan dalam integrasi sistem bakal memberi implikasi terhadap kelangsungan pendapatan sekiranya ditimpa bencana kerja," menurut kenyataan PERKESO.

Rentetan kekusaran disuarakan Gabungan e-Hailing Malaysia (GEM), PERKESO bersedia mengambil pendekatan lebih tegas melalui tindakan penguatkuasaan sekiranya penyedia platform masih berlelah dalam pematuhan Akta 872.

Tegasnya, penyedia platform wajar menyediakan perlindungan keselamatan sosial yang merupakan hak asasi kepada pekerja, malah jaminan sedemikian berupaya memastikan kelestarian operasi industri gig.

"Perlindungan keselamatan sosial bukan sekadar tuntutan perundangan, sebaliknya satu amanah besar untuk menjaga insan yang banyak menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara," menurut PERKESO.

**##TAMAT##**

### Mengenai LINDUNG

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan

ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**25 April 2026**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**  
**Ikliil Fatihah Kamal Redzuan**  
**+6019-3273193**  
[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**  
**+6019-3265772**  
[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)